



TERKINI

Deepavali semai semangat perpaduan jurulatih, atlet angkat berat [ 22m ago ]



## Crest Builder dapat projek Kelana Jaya bernilai RM155.1 juta daripada Glomac

Tarikh kemaskini: 15/10/2019

KUALA LUMPUR, 15 Okt -- Crest Builder Bhd (Crest Builder) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Crest Builder Sdn Bhd, memperoleh kontrak bernilai RM155.1 juta untuk cadangan pembinaan plaza @ Pembangunan Komersil Campuran Kelana Jaya, daripada Glomac Segar Sdn Bhd.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, ia berkata tempoh kontrak yang ditetapkan dalam surat setuju terima itu ialah 24 bulan mulai 15 Nov, 2019.

Kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2019 dan seterusnya.

-- BERNAMA

### Berita Utama Terdahulu

- Kadar bantuan dua kanak-kanak hidap penyakit kritikal dinaikkan - exco
- Tambang kapal terbang murah dan skala kemiskinan antara fokus Dewan Rakyat
- Presiden IPF Sambanthan meninggal dunia
- SPRM terima 20 maklumat rasuah libatkan Jabatan Kehakiman - Latheefa
- 1MDB: Hakim tegur Najib tidak lagi mohon untuk tangguh perbicaraan

